

Seramai 2,278 pengemis diselamatkan melalui operasi yang dijalankan sepanjang tahun lalu, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Rohani Abdul Karim.

Menurutnya, daripada jumlah itu, 1,610 pengemis berstatus warganegara, manakala 668 lagi bukan warganegara.

"Kementerian sentiasa peka mengenai isu pengemis dan gelandangan di negara ini.

"Pelbagai pendekatan

Kuala Lumpur

JKM selamatkan 2,278 pengemis

dan usaha dirancang serta dilaksanakan bagi membendung isu ini daripada terus meningkat selain mewujudkan koordinasi dengan pihak berkepentingan," katanya ketika menjawab soalan Datuk Ahmad Fauzi Zahari (BN-Setiawangsa)

mengenai isu pengemis di Dewan Rakyat, semalam. Rohani berkata, Jabatan Kebajikan Masyarakat

(JKM) bertanggungjawab menyelamatkan dan memulihkan pengemis berdasarkan peruntukan Akta Orang Papa 1977 (Akta 183).

"Bagi membendung aktiviti pengemis daripada berleluasa, kementerian mengambil pendekatan membendung isu ini secara holistik dengan pembabitian dan kerjasama pelbagai agensi," katanya.